

AXCEL DEXCHLORPHENIRAMINE TABLET

Dexchlorpheniramine Maleate (2mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Dexchlorpheniramine Tablet.
2. Bagaimana Axcel Dexchlorpheniramine Tablet berfungsi.
3. Sebelum mengambil Axcel Dexchlorpheniramine Tablet.
4. Cara menggunakan Axcel Dexchlorpheniramine Tablet.
5. Semasa menggunakan Axcel Dexchlorpheniramine Tablet.
6. Kesan- kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Dexchlorpheniramine Tablet.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Dexchlorpheniramine Tablet

Axcel Dexchlorpheniramine Tablets digunakan untuk merawat keadaan alahan termasuk:

- Demam alergi.
- Geligata.
- Bengkak di bawah kulit.
- *Vasomotor rhinitis* (keradangan lapisan di dalam hidung).
- Alergi.
- Ekzema.
- Keradangan kulit atopik dan sentuhan.
- Reaksi ubatan dan darah.
- Gigitan serangga.
- Kegatalan.

Bagaimana Axcel Dexchlorpheniramine Tablet berfungsi

Dexchlorpheniramine Maleate adalah antihistamin. Ia berfungsi dengan menghalang bahan semulajadi tertentu (histamine) yang dihasilkan oleh tubuh anda semasa reaksi alergi. Tindakan antimuskarinik memberikan kesan pengeringan pada lapisan hidung.

Sebelum mengambil Axcel Dexchlorpheniramine Tablet

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil axcel Dexchlorpheniramine Tablet jika:

- Anda alergi atau hipersensitif pada antihistamin atau bahan-bahan lain dalam ubat ini.
- Anda mengandung dan menyusukan bayi.
- Anda beri pada bayi baru lahir atau pra-matang.
- Anak anda berumur kurang dari 2 tahun.

-Sebelum mula mengambil

Anda perlu memaklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda mempunyai glaukoma sudut sempit (peningkatan tekanan dalam mata).
- Anda pernah mempunyai asma.
- Anda mempunyai peningkatan tahap hormon tiroid.
- Anda mempunyai penyakit jantung atau salur darah.
- Anda mempunyai pembesaran prostat.

-Jika mengambil ubat- ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut kerana ia mungkin bertindakbalas dengan Axcel Dexchlorpheniramine Tablets anda:

- Ubat yang boleh merosakkan pendengaran seperti antibiotik aminoglikosida.
- Penekan Sistem Saraf Pusat (SSP) seperti alkohol, barbiturate (digunakan untuk melegakan keresahan).
- Hipnotik (ubat tidur).
- Analgesik narkotik (digunakan untuk melegakan kesakitan).
- Sedatif (digunakan untuk meningkatkan ketenangan dan mendorong tidur).
- Ubat penenang.
- Perencat Monoamine oxidase (MAO) (digunakan untuk merawat kemurungan).

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Dexchlorpheniramine Tablet dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel Dexchlorpheniramine Tablet

-Berapa banyak harus digunakan

Untuk kegunaan oral sahaja.

Dewasa: 1 - 2mg, setiap 4-6 jam, sehingga maksimum 12mg sehari.

Kanak-kanak: 6 - 12 tahun: 1mg, setiap 4-6 jam, sehingga maksimum 6mg sehari.

Kanak-kanak: 2 - 6 tahun: 0.5mg, setiap 4-6 jam, sehingga maksimum 3mg sehari.

-Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan bila anda perlu mengambil Axcel Dexchlorpheniramine Tablet mengikut keadaan anda.

-Berapa lama perlu digunakan

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatan.
- Ikut saranan dan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa menggunakan

- Jangan menggandakan sukatan kerana Axcel Dexchlorpheniramine Tablet mungkin akan memberikan kesan sampingan yang merbahaya.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Anda dinasihatkan untuk menghubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda mengambil Axcel Dexchlorpheniramine Tablet secara berlebihan. Orang itu perlu mendiamkan diri untuk mengurangkan pengujaan, yang berlaku terutamanya pada kanak-kanak. Konvulsi dan rangsangan Sistem Saraf Pusat yang ketara dan tekanan darah rendah yang teruk mungkin berlaku.

Semasa menggunakan Axcel Dexchlorpheniramine Tablet

-Perkara yang perlu dilakukan

- Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara

AXCEL DEXCHLORPHENIRAMINE TABLET

Dexchlorpheniramine Maleate (2mg)

yang patut dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.

- Maklumkan kepada doktor anda jika anda perlu mengambil ubat lain tanpa diduga.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan melebihi dos ubat pada setiap satu masa pengambilan.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda berasa sakit, pening, mengantuk atau letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan- kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Dexchlorpheniramine Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doctor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

Kesan sampingan yang paling biasa adalah sedasi yang merangkumi dari mengantuk kepada tidur yang nyenyak, dan termasuk ketidakupayaan untuk menumpukan perhatian, kekurangan tenaga, pening, tekanan darah rendah, kelemahan otot dan ketidakselarasan gerakan. Kesan sedatif, apabila ia berlaku mungkin berkurangan selepas beberapa hari.

Kesan sampingan yang lain termasuk gangguan gastrousus seperti loya, muntah, cirit-birit atau sembelit, sakit perut, dan sakit epigastrik.

Ia juga boleh menyebabkan sakit kepala, penglihatan kabur, bunyi di

dalam telinga seperti bunyi berdering, kegembiraan atau kemurungan yang melampau, cepat marah, mimpi buruk, hilang selera makan, kesukaran dalam pembuangan air kecil, kekeringan mulut, sesak dada, sesemut, tangan berasa berat dan lemah. Ia mungkin meningkatkan penekanan Sistem Saraf Pusat. Dos yang tinggi boleh meningkatkan kekerapan sawan pada orang yang mempunyai epilepsi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Dexchlorpheniramine Tablet

-Penyimpanan

Jauhkan Axcel Dexchlorpheniramine Tablet daripada kanak-kanak. Simpan di bawah 30°C. Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Axcel Dexchlorpheniramine Tablets berwarna merah jambu, dwicembung, bulat dan mempunyai diameter 8mm dengan logo KOTRA pada satu bahagian dan satu bahagian lagi bergaris.

-Bahan- bahan kandungan

-Bahan Aktif:

Dexchlorpheniramine Maleate

-Bahan Tidak Aktif:

Pregelatinized Starch, Corn Starch, Lactose, Magnesium Stearate, Ponceau 4R dan Purified Water.

-Nombor MAL

MAL19890140AZ

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

17/01/2018

Nombor siri

NPRA(R4/1)100118/00005